



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)**

SIARAN MEDIA

**KERAJAAN MADANI MENYALURKAN RM3.1 JUTA PERUNTUKAN
FASA PERTAMA BANTUAN DHARMA MADANI KEPADA
155 KUIL KOMUNITI INDIA**

PUTRAJAYA, 27 JANUARI 2026 — YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini telah mengumumkan Program Dharma MADANI, iaitu satu inisiatif Kerajaan MADANI bagi menyalurkan bantuan sekali beri (one-off) berjumlah RM20 juta kepada 1,000 buah rumah ibadat Hindu berdaftar di seluruh negara bulan Ogos yang lalu.

Melalui program ini, setiap kuil yang layak akan menerima bantuan kewangan sebanyak RM20,000, sebagai pendekatan memperkasakan institusi rumah ibadat Hindu, dan dilaksanakan di bawah seliaan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Hari ini, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Menteri Sumber Manusia (KESUMA), telah menyempurnakan Majlis Perjumpaan YB Menteri Bersama Pemimpin Masyarakat India untuk menyampaikan surat kelulusan Program Dharma MADANI MITRA Peringkat Fasa Pertama kepada Pengerusi dan wakil Pengurusan Kuil dari seluruh negara. Majlis ini telah berlangsung di Dewan Utama, Menara PERKESO, Kementerian Sumber Manusia.

Sebanyak **155 buah kuil telah diluluskan** untuk menerima bantuan kewangan sebanyak **RM20,000 bagi setiap kuil**, melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak **RM3.1 juta di bawah Fasa Pertama Program Dharma MADANI**.

Untuk makluman, pelaksanaan serta kelulusan bantuan di bawah Program Dharma MADANI akan dilaksanakan **secara berperingkat dan berfasa**. Senarai penerima bantuan akan diumumkan dari semasa ke semasa melalui laman sesawang rasmi MITRA di www.mitra.gov.my

YB Menteri turut mengumumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya **Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Sumber Manusia**.

Pemindahan ini bertujuan memastikan perancangan, pelaksanaan serta pemantauan inisiatif masyarakat India dapat dilaksanakan secara lebih **tersusun, bersepadu dan berkesan**, selaras dengan ekosistem pembangunan modal insan negara di bawah Kerajaan MADANI.

Program Dharma MADANI ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan MADANI terhadap peranan rumah ibadat sebagai nadi kekuatan komuniti. Dengan sokongan berterusan ini, kerajaan yakin institusi komuniti akan terus diperkasa sebagai **“Vaganam”** perkataan Tamil yang bermaksud **alat atau medium yang membawa sokongan** di mana kerajaan berharap institusi dapat membantu mengukuhkan perpaduan.

-Tamat-

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

27 JANUARI 2026